

22/06/2001

Terima teguran Dr M

SEORANG tokoh veteran parti sebelum ini menyimpulkan langkah memperkasakan Umno menerusi empat perkataan 'budi bahasa, tingkah laku' yang perlu diperbetulkan demi menjamin kelangsungan Umno sebagai wadah perjuangan orang Melayu. Perhimpunan Agung Umno ke-55 yang bermula semalam pula memperluaskan pengertiannya menerusi 'perekayasaan' Umno yang mencakupi pengajaran daripada sejarah sebelum, ketika dan selepas dijajah, akur dengan pelbagai kelemahan hingga menyebabkan pencapaian Melayu masih rendah, perlunya orang Melayu bersatu-padu untuk kekal kuat, kembali kepada perjuangan asal bagi memartabatkan bangsa serta melakukan perubahan sikap agar sentiasa selamat dalam menangani apa jua cabaran mendatang.

Dalam ucapannya selama kira-kira dua jam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seolah-olah membawa seluruh perwakilan, pemerhati dan menelusuri satu kursus kesedaran dan percambahan fikiran agar sama-sama dapat bermuhasabah diri terhadap pelbagai perkara yang sebenarnya terbentang di depan mata. Pengertian daripada keterbukaan Presiden Umno dalam menelanjangi sikap Melayu yang mudah lupa adalah pelbagai. Jauh daripada bertujuan mengaibkan bangsa sendiri, intipati ucapannya mengajak seluruh umat Melayu menginsafi segala pahit maung masa silam tanpa sekali-kali membenarkan apa jua nikmat yang dikecapi hari ini melalaikan kita untuk mengulangi kesilapan yang sama.

Daripada terus-terusan bergantung kepada pelbagai bantuan dan keistimewaan, Dr Mahathir mahu orang Melayu belajar berdikari. Teguran kerasnya bahawa orang Melayu mudah bersengketa dan berpecah, tidak sanggup mengejar ilmu dan bekerja kuat selain mencari jalan mudah, termasuk menerima sogokan, untuk cepat kaya, bukanlah sesuatu yang boleh disangkal. Barangkali ia dirasakan sesetengah pihak sebagai amat pedih. Bagi sebilangan yang lain pula, ia diterima sebagai suntikan kesedaran daripada merelakan anak bangsa terus alpa. Namun, sepahit manapun hakikatnya, ia harus menerbitkan keinsafan pada umat Melayu seluruhnya bahawa sesudah segala yang Umno dan kerajaan lakukan, pencapaian orang Melayu setelah 43 tahun berkuasa di negara sendiri, masih tidak boleh dibanggakan. Ia hanya boleh dipersalahkan kepada sikap orang Melayu sendiri.

Dr Mahathir mahu masyarakat Melayu memperbaiki kedudukan supaya menjadi bangsa berkebolehan dan bermaruah tinggi. Ke arah itu, sejarah sebenarnya memberikan banyak pengajaran dan teladan. Sejarah menunjukkan orang Melayu boleh mencapai kejayaan seperti memerdekakan negara dan menentang komunis disebabkan mereka bermuafakat sesama sendiri dan dengan kaum lain. Malangnya, perpaduan Melayu hari ini ternyata amat rapuh. Mereka sanggup bercakaran sesama sendiri tanpa menghiraukan kelemahan bangsa dalam banyak aspek. Erti sebenar kemerdekaan semakin dilupakan sambil digantikan dengan pergantungan penuh kepada kerajaan. Benarlah seperti yang dikatakan Presiden Umno bahawa tanpa bantuan kerajaan dari semua segi, orang Melayu akan jatuh tersungkur.

Teguran Presiden Umno terhadap sikap ambil mudah pelajar Melayu juga amat bertepatan. Di sebalik mudah dan banyaknya bantuan dan peluang disediakan, pelajar Melayu semakin tidak berminat mengejar ilmu. Bukan disebabkan kurang cerdas tetapi sikap malas belajar menyaksikan tahap pencapaian mereka begitu rendah hinggakan ramai yang mungkin tidak mendapat tempat di institusi pengajian tinggi (IPT). Kenyataan bahawa hanya 20 peratus daripada kemasukan ke universiti akan terdiri daripada anak Melayu jika tidak kerana sistem kuota yang diamalkan, seharusnya

menanamkan kesedaran.

Dalam menguasai ilmu, wujud pertentangan di antara ilmu agama sebagaimana diberatkan oleh Pas dan ilmu lain, termasuk sains dan teknologi, dalam memenuhi tuntutan era teknologi maklumat. Begitu juga wujud konflik di antara nasionalis bahasa yang hanya taksud untuk memartabatkan bahasa Melayu berbanding keperluan menguasai bahasa Inggeris sebagai medium ilmu. Sebagaimana ditegaskan oleh Dr Mahathir, seseorang itu tidak akan kurang Islamnya atau hilang keMelayuannya hanya kerana mempelajari ilmu lain serta mendalami bahasa Inggeris. Sebaliknya, dengan keutamaan yang silap, orang Melayu akan menjadi bangsa yang mundur, dihina dan diperbodoh orang lain.

Keseluruhannya, ucapan Presiden Umno semalam boleh disimpulkan sebagai cabaran kepada orang Melayu supaya bangun daripada lamunan dan sedar akan hakikat bahawa hak keistimewaan orang Melayu tidak akan kekal selamanya, terutama apabila dunia kini menerima pelbagai tekanan akibat globalisasi. Orang Melayu perlu insaf bahawa mereka tidak lagi boleh mengharap kepada faktor tradisi, seperti dasar yang memihak kepada mereka untuk terus mengharungi cabaran masa depan. Secara umumnya, orang Melayu hendaklah menghentikan sengketa sesama sendiri dan perbuatan memfitnah yang hanya memecahbelahkan, sebaliknya bersatu semula demi masa depan bangsa dan negara.

Semua orang Melayu perlu menerima dengan ikhlas segala teguran Dr Mahathir yang menuntut perubahan sikap bagi membolehkan kelemahan dan kepincangan, daripada bidang pendidikan hinggalah kepada penguasaan ekonomi, dapat terus diperbaiki dari semasa ke semasa. Hanya dengan kejayaan penguasaan ekonomi orang Melayu, maka asas perpaduan dan kestabilan yang lebih besar dapat diwujudkan. Selagi orang Melayu tidak mahu mengakui kelemahan sebenar berada pada diri mereka sendiri, selagi mereka tidak sanggup membetulkan kesalahan mereka, selagi itulah mereka akan ketinggalan dan tidak mustahil suatu hari nanti kembali menjadi bangsa yang terjajah.

(END)